

Jumlah mangsa meningkat kepada 1,184 orang

Banjir di Kelantan semakin buruk

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**

rodelio.taucan@utusan.com.my

KOTA BHARU 24 Nov. - Banjir yang melanda negeri ini semakin buruk apabila jumlah mangsa yang terjejas dan dipindahkan ke pusat pemindahan banjir meningkat kepada 1,184 orang membabitkan 288 keluarga berbanding 250 orang daripada 57 keluarga semalam.

Jumlah tersebut dijangka meningkat selepas Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga bagi negeri ini akan berterusan selama beberapa hari lagi.

Menurut laman portal rasmi banjir Kelantan, <http://ebanjir.kelantan.gov.my> sehingga pukul 5 petang ini, sebanyak 27 pusat pemindahan banjir telah dibuka berbanding hanya empat semalam iaitu 12 di Pasir Mas dan selebihnya di Bachok, Kuala Krai, Machang, Pasir Puteh serta Tanah Merah.

Pasir Mas menjadi kawasan yang paling teruk dilanda banjir apabila seramai 446 mangsa daripada 121 keluarga telah dipindahkan diikuti Kota Bharu sebanyak 361 mangsa daripada 73 keluarga.

Tiga jalan utama di Pasir Mas telah ditutup kepada semua ken-



PELAJAR meredah banjir selepas menduduki peperiksaan SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, semalam. - BERNAMA

deraan iaitu Jalan Pohon Tangjung ke Meranti, Jalan Pohon Tanjung - Rantau Panjang dan Jalan Rantau

Panjang menuju ke Panglima Bayu. Sebuah jalan di Machang turut ditutup iaitu Jalan Machang - Pang-

kal Meleret - Wakaf Bata, manakala di Tanah Merah, Jalan Tanah Merah - Kusial - Kampung Ipoh juga tidak

boleh dilalui.

Sementara itu, bacaan paras air di beberapa sungai utama mendapati berlaku peningkatan yang paling ketara terutama Sungai Golok di Rantau Panjang yang berada di paras bahaya iaitu pada kedalaman 10.24 meter berbanding tahap normal sembilan meter.

Paras air Sungai Kelantan di pusat bacaan Jambatan Gullemard, Tanah Merah turut berada di paras bahaya iaitu 26.10 meter berbanding kedalaman normal 16 meter.

Dalam pada itu, sebuah klinik kesihatan dan tiga klinik desa di Pasir Mas terpaksa ditutup dan kelengkapannya telah dipindahkan selepas kawasan tersebut terputus hubungan kerana dinaiki air.

Klinik berkenaan adalah Klinik Kesihatan Rantau Panjang yang telah ditenggelami air dan kesemua peralatannya telah dipindahkan ke Madrasah Kubang Kual.

Tiga klinik desa yang ditutup adalah di Lubok Stoi, Kampung Rahmat dan Jejawi yang ketiga-tiganya masing-masing telah dipindahkan ke Dewan Rukun Tetangga Lubok Stoi, Madrasah Kampung Rahmat dan Sekolah Menengah Perempuan Pasir Mas.

2 keluarga di Chendor mangsa pertama

KUANTAN 24 Nov. - Dua keluarga di Kampung Chendor di sini menjadi mangsa banjir pertama dipindahkan ke pusat pemindahan di negeri ini, awal pagi tadi, ekoran hujan lebat sejak kelmarin.

Ketua Polis negeri, Datuk Sharifuddin Abdul Ghani berkata, kesemua mereka yang terdiri daripada 11 orang yang berumur 11 hingga 63 tahun, dipindahkan setelah rumah mereka dinaiki air pukul 1 pagi.

"Saya gesa orang ramai berpindah apabila mendapat arahan daripada agensi kerajaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mangsa, Abas Abdul Hadi, 63, berkata, dia sekeluarga terpaksa berpindah setelah rumah mereka mula dinaiki air pukul 11 malam tadi.

"Air naik mendadak sehingga rumah saya digenangi air sehingga paras lutut manakala di luar rumah air naik hingga ke pinggang.

"Saya segera minta isteri dan anak-anak bersiap siap ke pusat pemindahan bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Tambahnya, kejadian tersebut bukan pertama kali dialami kerana rumahanya terletak di kawasan be-



RAZIAH Hashim (baju hitam) bersama anaknya terpaksa meniti kayu yang dijadikan titi untuk berpindah ke Balai Raya Chendor setelah rumah mereka dinaiki air paya di Kampung Chendor, Kuantan, semalam.

kas paya.

"Ini kali ketiga saya alami kejadian seperti ini. Selain hujan, sistem perparitan yang tidak sempurna sejak beberapa pembangunan dijalankan di sekitar rumah menyebabkan air bertakung," jelasnya.

Raziah Hashim, 50, berkata, ke-

jadiannya banjir tersebut berlaku sejak tiga tahun kebelakangan ini berikutan tiada sistem perparitan yang teratur.

"Saya akui kami tinggal di kawasan berpayau tapi banjir berlaku sejak kebelakangan ini apabila hujan berlarutan," jelasnya yang menetap di kampung berkenaan sejak

20 tahun lalu.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Indera Mahkota, Mohd. Suhaimi Sulong yang ditemui ketika melawat mangsa di Balai Raya Kampung Chendor berkata, pihaknya menghulurkan bantuan segera berupa wang tunai menerusi Skwad Banjir.

Air pasang burukkan banjir

JASIN 24 Nov. - Dua lagi kampung di Sungai Rambai dijangka dilanda banjir besar esok ekoran pertembungan air dari hulu yang masuk ke Sungai Kesang dengan air pasang besar dari Selat Melaka.

Dua kampung itu adalah Kampung Janda Berhias dan Kampung Lanchang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Rahman berkata, keadaan dijangka menjadi buruk jika hujan yang berhenti sejak dua hari lalu di daerah ini akan melanda kawasan itu semula.

"Kira-kira 28 keluarga yang menghuni kedua-dua kampung diarahkan bersiap sedia untuk dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Penghulu jika berlaku banjir," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Katanya, pertembungan air pasang dan air dari hulu masuk ke Sungai Kesang menyebabkan berlakunya limpahan air yang akan melanda Kampung Janda Berhias dan Kampung Lanchang kerana terletak di kawasan penampungan banjir.

Menurutnya, lima keluarga masih berada di pusat pemindahan di SK Parit Penghulu kerana air banjir yang melanda rumah mereka belum surut walaupun hujan berhenti sejak dua hari lalu.

Hasan berkata, seluruh kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Jasin, polis, Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi banjir itu.

Hanya 2,560 mangsa banjir di Terengganu

KUALA TERENGGANU 24 Nov.

- Cuaca cerah hari ini di beberapa daerah di negeri ini menyebabkan jumlah mangsa terlibat dengan banjir menurun sedikit.

Sehingga pukul 6 petang ini, seramai 2,560 mangsa daripada 674 keluarga dipindahkan ke 43 pusat penempatan banjir seluruh negeri berbanding semalam iaitu seramai 2,849 mangsa daripada 724 keluarga.

Daerah Kemaman yang baru dinaiki air malam tadi juga menunjukkan penurunan kepada 180 mangsa daripada 46 keluarga berbanding semalam seramai 218 mangsa daripada 58 keluarga. Bagaimanapun, di Marang masih mengekalkan jumlah yang sama iaitu seramai 11 orang daripada empat keluarga.

Dalam pada itu, jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri berkata, daerah Setiu paling ramai memindahkan penduduknya menurun sebanyak 54 orang melibatkan 22 keluarga berbanding seramai 1,516 mangsa daripada 394 keluarga semalam.

Kesemua mangsa banjir di daerah Setiu dipindahkan ke pusat penempatan yang terlibat iaitu Balai Raya Desa Jaya, Balai Raya Hulu Seladang, Balai Raya Kampung Bukit Nenas, Balai Raya Pengkalan Merbau, Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Lek dan Surau Kampung Nyatoh.

Daerah kedua tertinggi adalah Besut iaitu seramai 886 daripada 209 buah keluarga dan kesemua mereka ditempatkan di 14 pusat pemindahan iaitu antaranya Balai Raya Kampung Bukit Rambutan, Masjid Kampung Keruak, SK Kampung La, Surau Kampung Bukit Mali, Surau Kampung Seberang La dan Garaj Masjid Kampung Darau.

Selain itu, bagi daerah Hulu Terengganu, sebanyak 43 keluarga melibatkan 180 mangsa telah dipindahkan ke lima buah pusat pemindahan sementara di Balai Raya Kuala Kejir, Dewan Sivik Batu 24, Sekolah Mene-ngah Matang dan SK Nibong.

Dalam pada itu, 10 batang jalan di beberapa buah daerah Hulu Terengganu ditutup kepada semua jenis kenderaan kerana ditenggelami air.